



Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**JFW460 – Kewangan Korporat**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Alat pengiraan elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk tujuan pengiraan.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

**SOALAN 1 (20 markah)**

James, pemilik sebuah syarikat lombong emas, sedang menilai sebuah lombong emas baharu di Borneo. Danny, seorang ahli geologi syarikat, baharu saja selesai menganalisis tapak lombong tersebut. Beliau menganggarkan bahawa lombong itu akan produktif selama lapan tahun. Selepas itu, emas akan dilombong sepenuhnya. Danny telah membuat anggaran deposit emas kepada Jennifer, seorang pegawai kewangan syarikat itu. Jennifer telah diminta oleh James untuk melakukan analisis terhadap lombong baharu dan mengemukakan cadangannya sama ada syarikat harus membuka lombong baharu tersebut.

Jennifer telah menggunakan anggaran yang disediakan oleh Danny untuk menentukan pendapatan yang dapat dijangkakan dari lombong baharu. Beliau juga telah menganggarkan perbelanjaan membuka lombong dan perbelanjaan operasi tahunan. Kos pembukaan lombong akan menelan belanja sebanyak RM525 juta pada hari ini dan penutupan lombong akan menyebabkan aliran keluar tunai sebanyak RM35 juta sembilan tahun dari hari ini. Aliran tunai yang dijangka setiap tahun dari lombong ditunjukkan dalam jadual. Syarikat mempunyai pulangan yang diperlukan sebanyak 12 peratus ke atas semua lombong emasnya.

Tahun	Aliran tunai (RM)
0	-525,000,000
1	74,000,000
2	97,000,000
3	125,000,000
4	157,000,000
5	185,000,000
6	145,000,000
7	125,000,000
8	102,000,000
9	-35,000,000

- (a). Kira,
- (i). Tempoh bayar balik
  - (ii). Nilai kini bersih
  - (iii). Kadar pulangan dalaman
- (15 markah)
- (b). Berdasarkan analisis anda di bahagian (a), patutkah syarikat membuka lombong baharu? Berikan sebab anda.
- (5 markah)

...3/-

**SOALAN 2 (20 markah)**

Diberikan:

Keadaan ekonomi	Kebarangkalian	Kadar pulangan	
		Saham I	Saham II
Meleset	0.15	0.04	-0.17
Normal	0.55	0.09	0.12
Meningkat	0.30	0.17	0.27

- (a). Kira pulangan dijangka dan sisihan piawai untuk saham I dan saham II.  
(12 markah)
- (b). Jika premium risiko pasaran adalah 7 peratus dan kadar faedah tanpa risiko adalah 4 peratus, nyatakan
- saham yang mempunyai risiko sistematik yang lebih tinggi.
  - saham yang mempunyai risiko yang lebih tinggi.

Berikan sebab untuk jawapan anda.

(8 markah)

**SOALAN 3 (20 markah)**

- (a). Sasaran struktur modal Syarikat Mullinox adalah 60 peratus saham biasa, 5 peratus saham keutamaan, dan 35 peratus hutang. Kos ekuiti syarikat adalah 14 peratus, kos saham keutamaan adalah 6 peratus dan kos hutang adalah 8 peratus. Kadar cukai yang berkaitan adalah 35 peratus.
- Kira WACC.  
(5 markah)
  - Presiden syarikat ingin tahu sebab syarikat tidak menggunakan pembiayaan saham keutamaan sedangkan kosnya kurang daripada kos pembiayaan hutang. Jelaskan alasan anda.  
(5 markah)

...4/-

- (b). Nyatakan keadaan yang membolehkan firma menggunakan kos modal yang berbeza untuk bahagian operasi (*operating divisions*) yang berbeza. Apakah **DUA (2)** teknik yang boleh digunakan untuk membangunkan anggaran kasar kos modal setiap bahagian tersebut?  
(10 markah)

**SOALAN 4 (20 markah)**

- (a). Jelaskan perbezaan antara tawaran hak (*rights offer*) dan tawaran tunai (*cash offer*).  
(8 markah)
- (b). Terangkan sebab harga saham jatuh pada pengumuman terbitan ekuiti baharu.  
(12 markah)

**SOALAN 5 (20 markah)**

- (a). Senaraikan **LIMA (5)** Cs kredit.  
(5 markah)
- (b). Huraikan **LIMA (5)** faktor yang perlu dipertimbangkan dalam keputusan untuk menawarkan kredit.  
(15 markah)